

RAKYAT MALAYSIA MESTI BERANI MENGEJAR IMPIAN

um-14/12/2006

KESUNGGUHAN negara untuk memajukan industri teknologi komunikasi satelit tempatan terbukti dengan sempurnanya pelancaran Measat-3 di Baikonur Cosmodrome, Kazakhstan, kelmarin.

Banyak yang boleh dimanfaatkan oleh negara sebaik sahaja Measat-3 atau satelit Asia Timur Malaysia yang ketiga bernilai RM1 billion ini berjaya memasuki orbit dan beroperasi sepenuhnya pada 1 Februari tahun depan.

Apatah lagi jangka hayat Measat-3 yang mampu bertahan selama 15 tahun pasti mendatangkan keuntungan jangka panjang kepada negara selepas Measat-1 dan 2 bakal tamat tempoh tidak lama lagi.

Kejayaan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang memiliki teknologi tercanggih itu membolehkan rakyat negara ini maju setapak lagi dalam bidang-bidang seperti pendidikan, komunikasi dan penyiaran.

Seperti yang ditegaskan Perdana Menteri, Datuk

Seri Abdullah Ahmad Badawi apa juga teknologi yang diberi keutamaan oleh kerajaan bertujuan memberi faedah kepada negara dan rakyat terutamanya bagi membantu kita mencapai status negara maju pada 2020.

Yang paling penting, kecanggihan teknologi moden ini dapat dimanfaatkan oleh penduduk di kawasan luar bandar yang selama ini agak terpinggir setiap kali kita bercakap perihal penerokaan dunia komunikasi satelit.

Usaha merapatkan jurang digital antara penduduk bandar dan luar bandar yang menjadi agenda kerajaan pastinya dapat dipercepatkan menerusi kemudahan yang ditawarkan oleh Measat-3.

Kita berharap kecanggihan teknologi satelit tempatan ini dapat memberi lebih banyak peluang pendidikan kepada pelajar-pelajar luar bandar terutama di Sabah dan Sarawak.

Sementelah kemudahan satelit itu juga mampu meningkatkan sistem pendidikan negara menerusi

pembelajaran jarak jauh yang menghubungkan pelajar di kawasan pedalaman seperti dengan pensyarah yang berada jauhnya beratus kilometer.

Begitu juga dalam bidang kesihatan di mana keskes yang melibatkan pesakit di luar bandar boleh dirujuk kepada pakar dengan hanya bertukar gambar x-ray digital. Ia sekali gus berupaya membantu usaha kerajaan untuk meningkatkan status kesihatan penduduk luar bandar secara menyeluruh.

Sememangnya pendidikan dan kesihatan merupakan dua bidang penting yang dijadikan kayu pengukur sejauh mana Malaysia bersedia untuk menjadi negara maju. Justeru pelancaran Measat-3 turut menunjukkan kesungguhan Malaysia untuk berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju.

Kita juga berharap pelancaran Measat-3 ini membuka lebih banyak jalan kepada rakyat Malaysia supaya berani mengejar impian dan tidak berasa rendah diri untuk bersaing dengan negara-negara yang lebih maju.